

Pilih produk sesuai, sedia bersaing cabaran perniagaan di internet

Perkembangan teknologi menyaksikan sesebuah perniagaan dapat dijalankan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Laporan Ekonomi 2013/2014 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan menunjukkan, bilangan pengguna internet akan meningkat kepada 25 juta orang pada tahun 2015 berbanding 18 juta pada tahun 2012. Ramai antara kita sedia maklum mengenai perniagaan internet ataupun perniagaan atas talian.



**DR WAN MOHD
HIRWANI
WAN HUSSAIN**

Perniagaan internet salah satu perniagaan yang boleh diceburi masyarakat. Ada pelbagai bentuk perniagaan internet yang dapat dijalankan antaranya menggunakan laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram, melalui kaedah *affiliate* iaitu dengan membantu menjual produk orang lain atau melalui kaedah *dropship* iaitu menjual barang tanpa menyimpan stok barangan.

Perniagaan internet banyak digunakan oleh generasi muda. Selain mudah dijalankan, perniagaan internet juga membolehkan seseorang itu melatih diri lebih berkeyakinan dan berkomunikasi dengan baik dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan.

Bagi memulakan sesebuah perniagaan internet adalah penting untuk seseorang usahawan memahami dengan jelas konsep perniagaannya bagi mengelakkan berlakunya kerugian pada masa hadapan. Perlu diingatkan bahawa risiko dalam menjalankan perniagaan internet adalah menyamai perniagaan lain. Persepsi mengatakan risiko menjalankan perniagaan internet adalah rendah adalah tidak tepat.

Usahawan internet juga perlu bersedia dari segi mental dan fizikal kerana perniagaan ini turut menuntut kesabaran tinggi bagi membolehkan sesuatu produk dan perkhidmatan dapat dipasarkan kepada orang ramai. Ada banyak persaingan di internet dan usahawan mesti berdaya saing serta mempunyai semangat juang yang tinggi.

Usahawan internet juga perlu bijak melakukan kajian pasaran dan memilih produk yang betul. Pemilihan produk

yang betul membolehkannya dipasarkan dan mendapat permintaan tinggi.

Silap pilih produk jualan

Kesilapan pemilihan produk dan kajian pasaran yang betul menyebabkan ramai usahawan internet tidak mampu meneruskan perniagaan mereka. Kajian pasaran boleh dijalankan dengan mengenal pasti produk terkini yang mendapat perhatian pengguna.

Selain itu, usahawan internet juga perlu mengelak daripada menggunakan wang pinjaman bagi memulakan perniagaan. Pinjaman mempunyai risiko yang tinggi dan perlu ditanggung usahawan seandainya perniagaan mereka gagal.

Ada banyak badan kerajaan yang bersedia membantu usahawan internet memulakan perniagaan iaitu Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan banyak lagi. Badan ini bukan sahaja membantu dalam proses pembiayaan pinjaman tetapi juga bertanggungjawab menjalankan latihan bagi membimbing usahawan yang baru memulakan perniagaan.

Usahawan internet juga perlu mempelajari kaedah pembangunan laman web dan blog. Kemahiran membangunkan laman web yang cantik dan menarik akan menarik minat pengguna membeli produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ia juga membantu usahawan mengurangkan kos.

Perlu diingatkan, setiap perniagaan internet yang dijalankan perlu didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pendaftaran perniagaan menjadikan pengguna lebih yakin untuk berurusan dalam transaksi jual beli berkenaan. Selain itu, pendaftaran perniagaan internet juga membolehkan kes penipuan dikurangkan.

Laporan oleh *Cyber Security Malaysia* menunjukkan kadar jenayah siber di negara Malaysia pada tahun 2012 meningkat 88 peratus dengan kerugian RM1.8 bilion. Laporan oleh Ancaman Keselamatan Sophos pula menyatakan pada tahun 2013, Malaysia kerugian RM1 bilion akibat jenayah siber.

Justeru, adalah penting bagi usahawan internet dan pengguna mempersiapkan diri dengan pengetahuan yang betul bagi membolehkan mereka tidak menjadi mangsa jenayah siber.

Peranan mentor juga penting bagi menjamin kejayaan sesebuah perniagaan dan adalah penting untuk usahawan internet mencari mentor yang betul bagi membimbing dan mengembangkan perniagaan mereka.

Bagi mencapai usaha ini, UKM membangunkan Pusat Citra UKM yang bertindak sebagai platform untuk mentor kepada usahawan di universiti. Pusat ini juga bertanggungjawab mendidik pelajar universiti untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Akhir sekali, usahawan internet juga perlu bersedia menghadapi kegagalan dalam menjalankan perniagaan. Kejayaan sebenar sesebuah perniagaan internet diukur berdasarkan kepada bagaimana usahawan menjalin hubungan baik dengan pelanggan dan bersedia terhadap kritikan serta cabaran yang diberikan pelanggan.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Graduate School of Business, UKM



Usahawan internet juga perlu bijak melakukan kajian pasaran dan memilih produk yang betul.

[GAMBAR HIASAN]



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

奶奶煮饭
Nǎi nai zhǔ fàn
NENEK MEMASAK NASI



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel: 603-41442788
Faks: 603-41443098
Laman Web: www.hccm.com.my/ms
E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 90

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

- 1 Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci carian ZOOM BH
- 2 Imbas keseluruhan kotak merah
- 3 晚上好 Video dimainkan



1300 22 6787
www.bharian.com.my

